

LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR
DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL PERKILANGAN
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR
DISEMBER 1993

PENGGUNAAN PAM PENYEDUT IKAN DAN REKABENTUK CONVEYOR
PEMILIHAN DAN PENGASINGAN SAIZ IKAN .

OLEH :

HISHAM BIN MOKHTAR

HARUN BIN AHMAD

KANDUNGAN	HALAMAN
Penghargaan	i
Kandungan	ii
BAB 1 :	
Pengenalan	1
BAB 2 :	
Tujuan	4
BAB 3 :	
Proses rekabentuk	6
Mengenalpasti keperluan	7
Kajian kemungkinan	8
Sintesis rekabentuk	9
Analisa rekabentuk	10
BAB 4 :	
Perkembangan rekabentuk	11
Peralatan untuk sistem rekabentuk	12
BAB 5	
Cara- cara penyambungan	18
1) Pemasangan belt	18
2) Penyambungan shaf dan pulley	21
3) Shaf dan tiang	23
4) Pemasangan plat	25

BAB 6 :

Penerangan Pengiraan	27
1) Pengiraan untuk kuasa	28
2) Pengiraan untuk shaf	33
3) Pengiraan untuk tiang	35

BAB 7 :

Pemilihan Bahan	38
-----------------	----

BAB 8 :

Penutup	42
---------	----

Rujukan

Lampiran

PENGHARGAAN .

Kami ingin mengucapkan jutaan terimakasih kepada penasihat projek kami iaitu Encik Abd Halim Bin Zulkifli dan kepada pensyarah-pensyarah yang terlibat di atas segala usaha dan bimbingan yang diberikan dalam menjayakan projek ini .

Jutaan terimakasih juga kepada Jabatan Perikanan yang memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan didalam menjayakan projek ini .

Kepada rakan-rakan seperjuangan , jutaan terimakasih diucapkan diatas segala dorongan dan semangat yang diberikan .

Juga kami ingin mengucapkan jutaan terimakasih kepada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal serta kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk menjayakan projek ini . Semoga Allah S.W.T. memberkatinya dan membalas budi baik anda semua.

PENGENALAN

Perusahaan perikanan di Malaysia semakin bertambah maju di mana mereka yang terlibat di dalam sektor ini meningkat dari masa kesemasa. Dari anggaran Jabatan Perikanan mereka yang terlibat dalam sektor perikanan ini adalah lebih kurang 1600 orang pada tahun 1990. Kemajuan ini diterokai lagi dengan wujudnya perikanan laut dalam di Malaysia di mana melibatkan projek kerjasama antara tiga buah negara iaitu Malaysia, Thailand dan Singapura. Perikanan laut dalam ini menggunakan peralatan-peralatan yang moden seperti kapal-kapal besar dan tenaga kerja yang banyak serta hasil tangkapan yang lumayan. Ini dapat memenuhi permintaan yang tinggi daripada pengguna.

Hasil tangkapan akan dimasukkan di dalam peti sejuk dan tong yang disediakan didalam kapal-kapal atau bot-bot. Ikan ini disimpan didalam tong yang mengandungi ketulan-ketulan ais bagi menjamin kesegarannya. Di jeti pendaratan, ikan-ikan di dalam tong diangkut dan dimasukkan kedalam tong-tong pengasingan untuk pengasingan ikan. Kebanyakan kerja ini memerlukan masa dan tenaga yang banyak.